From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 13 February, 2023 11:23:01 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HARI KELUARGA BERJAYA SATUKAN JIWA AHLI KELUARGA TISSA-UUM

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 FEBRUARI 2023 / 22 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Yusuf Lazim
Gambar oleh: Syahrir Rahim

HARI KELUARGA BERJAYA SATUKAN JIWA AHLI KELUARGA TISSA-UUM

















UUM ONLINE: Kuala Nerang - Program Hari Keluarga Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), baru-baru ini berjaya menyatukan jiwa ahli keluarga TISSA-UUM dengan pelbagai aktiviti menarik.

Program anjuran Pengurusan UUM dan Kelab Kebajikan TISSA-UUM yang bertemakan *'Chill Out Time 2.0'* diadakan di AMD Resort & Camp Perik itu disertai lebih 180 ahli keluarga pusat pengajian berkenaan.

Dekan TISSA-UUM, Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf berkata, aktiviti riadah yang dilaksanakan bukan sahaja meningkatkan silaturahim dalam kalangan staf tetapi juga menaikkan moral untuk bekerjasama dan bekerja lebih cemerlang pada tahun 2023.

“Semangat berpasukan sebegini penting bagi sesuatu organisasi untuk memacu kejayaan pada masa hadapan secara kolektif. Program Hari Keluarga TISSA-UUM sudah lama tidak diadakan akibat penularan Covid-19 dan kali ini ia berjaya mengumpulkan ramai ahli keluarga.

“Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua staf dan keluarga yang menjayakan program ini termasuk kepada penderma dari TISSA-UUM dan penderma di luar TISSA-UUM serta keluarga yang membawa *‘potluck’* demi menjayakan program ini,” katanya.

Profesor Adjung TISSA-UUM, Tan Sri Prof. Dr. Fng Ah Seng yang turut hadir berkata, TISSA-UUM memainkan peranan utama dalam melahirkan ribuan akauntan di seluruh negara.

“Saya mengikuti secara dekat perkembangan TISSA-UUM dan pencapaian mengagumkan sejak akhir-akhir ini,” katanya.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengerusi bersama program, Prof. Dr. Ram Al Jaffri Saad dan Prof. Madya Dr. Natrah Saad.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.